



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 16 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEDAH PASTIKAN PROJEK IKONIK BERAS PULUT LANGKAWI DIBERI PERHATIAN, SH -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
2. 3.	PJKM BERJAYA RINGAN BEBAN ISI RUMAH B40, METRO AHAD -ONLINE PJKM CATAT JUALAN SEBANYAK RM7.8 JUTA SEJAK 2 DIS, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kedah pastikan projek ikonik beras pulut Langkawi diberi perhatian



Laporan Sinar Harian berhubung kenyataan peserta projek perintis penanaman padi pulut di Langkawi yang mengakibatkan pendapatan mereka merosot.

SUNGAI PETANI - Kerajaan Negeri Kedah akan memastikan projek ikonik beras pulut Langkawi yang berdepan kerugian mendapat perhatian sewajarnya bagi memenuhi pasaran sekali gus mengurangkan kebergantungan import bekalan itu.

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perladangan dan Komoditi Kedah, Azman Nasrudin berkata, pihaknya akan memastikan projek terbabit diteruskan dan mendapat bantuan sewajarnya daripada kerajaan.

Menurutnya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang menyelia projek terbabit telah dihubungi dan sedang berusaha memastikan produk penghasilan Pulau Lagenda itu terus berjalan.

"Saya dah hubungi LPP yang menyelia projek terbabit, mereka akan mengeluarkan kenyataan dalam masa terdekat dan memaklumkan bagaimana untuk pastikan projek padi pulut ini terus berdaya saing dan berjaya.

"Saya juga mohon supaya peserta ini dibantu dan projek ini berterusan,"katanya ketika dihubungi.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan peserta projek perintis penanaman padi pulut di Langkawi melahirkan kebimbangan apabila hasil pendapatan mereka merosot.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalankan siasatan mengapa projek perintis yang dilancarkan pada tahun 2019 membabitkan kira-kira 400 peserta itu berdepan kerugian.

Menurut Mohideen, pihaknya mendapati kawasan sawah yang ditanam padi pulut kering-kontang, sebahagian besar pokok padi mati akibat ketiadaan bekalan air dan saluran dipenuhi semak kerana tidak dibersihkan.

Beliau berharap petani diberikan pampasan setimpal selain mahu MAFI mendedahkan hasil siasatan dan tindakan yang diambil bagi menanganinya.



16 JAN, 2022

PJKM berjaya ringan beban isi rumah B40

Metro Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

PJKM berjaya ringan beban isi rumah B40

Kuala Berang: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang bermula 2 Disember lalu berjaya menarik kedatangan 426,305 pengunjung di 274 lokasi seluruh negara dan mencatat jualan sebanyak RM7.8 juta.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, data itu membuktikan PJKM sangat signifikan dalam membantu rakyat terutama golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga yang murah.

"Contohnya harga ayam dijual RM7.80 sekilogram dan ini membuktikan janji kerajaan menurunkan harga ayam di bawah RM8 berjaya kita laksanakan. Harga jualan di PJKM lebih murah kerana diambil terus pada harga pemborong.

"Maklum balas pengunjung menyambut baik PJKM ini, kerana dapat meringan-

kan beban kewangan rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dan banjir yang melanda negara, baru-baru ini," katanya ketika meninjau PJKM peringkat Parlimen Hulu Terengganu di Pusat Dagangan Ajil di sini, semalam.

PJKM adalah inisiatif kerajaan hasil kerjasama strategik KPDNHEP, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan pemain industri peruncitan setempat.

Ditanya sama ada kerajaan berhasrat memperluaskan PJKM di peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) selepas melihat sambutan membangsangkan di peringkat Parlimen, Rosol berkata, perkara itu perlu dibincangkan dengan lebih terperinci kerana pelbagai faktor.



16 JAN, 2022

PJKM berjaya ringan beban isi rumah B40

Metro Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Berang: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang bermula 2 Disember lalu berjaya menarik kedatangan 426,305 pengunjung di 274 lokasi seluruh negara dan mencatat jualan sebanyak RM7.8 juta. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, data itu membuktikan PJKM sangat signifikan dalam membantu rakyat terutama golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga yang murah. "Contohnya harga ayam dijual RM7.

16 JAN, 2022

PJKM catat jualan sebanyak RM7.8 juta sejak 2 Dis

Dis

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

PJKM catat jualan sebanyak RM7.8 juta sejak 2 Dis

KUALA BERANG: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang bermula 2 Disember lepas berjaya menarik kedatangan 426,305 pengunjung di 274 lokasi seluruh negara, dan mencatat jualan sebanyak RM7.8 juta.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata data itu membuktikan, PJKM sangat signifikan dalam membantu rakyat terutama golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40), mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga yang murah.

"Contohnya harga ayam dijual RM7.80, dan ini membuktikan janji kerajaan untuk menurunkan harga ayam di bawah RM8 berjaya kita laksanakan. Harga jualan di PJKM lebih murah kerana diambil terus pada harga pemborong.

"Maklum balas pengunjung menyambut baik PJKM ini, kerana dapat meringankan beban kewangan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan banjir yang melanda negara baru-baru ini," katanya ketika meninjau PJKM peringkat Parlimen Hulu Terengganu yang diadakan di Pusat Dagangan Ajil di sini semalam.

PJKM adalah inisiatif kerajaan hasil kerjasama strategik KPDNHEP, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan



LAWAT: Rosol (dua kiri) diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ajil Mallaman Kasim (kiri) beramah mesra bersama peniaga pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekarangan tempat letak kereta Bangunan Pusat Dagangan Ajil (ATC) Ajil dekat Kuala Berang, semalam. — Gambar Bernama

pemain industri peruncitan setempat.

Ditanya sama ada kerajaan berhasrat memperluaskan PJKM di peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri setelah melihat sambutan memberangsangkan di peringkat Parlimen, Rosol berkata perkara tersebut perlu dibincangkan dengan lebih terperinci, kerana pelbagai faktor.

"Penganjuran PJKM ini memerlukan komitmen dan kesanggupan dari pihak pemborong dan peruncit yang terlibat (logistik, tenaga kerja dan stok barangan). Jika ia dibuat terlalu kerap, mungkin ada kesan untuk peruncit di kawasan setempat kerana harga di PJKM terlalu murah.



BERKATA SESUATU: Rosol (kanan) diiringi Ajil Mallaman (tengah) dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu Saharuddin Mohd Kia melihat penjualan minyak masak peket. — Gambar Bernama

"Oleh itu, kita minta Ahli Parlimen berbincang dengan ADUN di kawasan masing-masing untuk memilih lokasi

sesuai untuk menganjurkan PJKM selaras hasrat kerajaan membantu golongan sasar," katanya. — Bernama



RINGKANKAN BEBAN: Orang ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi gerai jualan usahawan. — Gambar Bernama



CUBA: Rosol (dua kiri) cuba menggoreng ikan celup tepung. Turut kelihatan Ajil Mallaman (kiri). — Gambar Bernama



16 JAN, 2022

PJKM catat jualan sebanyak RM7.8 juta sejak 2 Dis

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA BERANG: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang bermula 2 Disember lepas berjaya menarik kedatangan 426,305 pengunjung di 274 lokasi seluruh negara, dan mencatat jualan sebanyak RM7.8 juta. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata data itu membuktikan, PJKM sangat signifikan dalam membantu rakyat terutama golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40), mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga yang murah. "Contohnya harga ayam dijual RM7.